KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 SEPTEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 6



*Pegawai KPDN Perak memeriksa produk laksa dan kuetiau yang menggunakan logo halal palsu di Sungai Siput, semalam.*
(Foto ihsan KPDN Perak)

# Produk makanan guna logo halal palsu dirampas

**Kuala Kangsar:** Sebanyak 3,020 unit produk makanan dirampas menerusi serbuan terhadap sebuah kilang memproses laksa dan kuetiau yang menggunakan logo halal palsu di Sungai Siput, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata pemeriksaan mendapati pemilik perniagaan itu gagal mengemuka Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah biarpun didapati terdapat logo halal pada bungkusan produk akhir keluaran kilang berkenaan.

Katanya, operasi bersepadu itu membabitkan anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Kuala Kangsar, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Kangsar, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK).

"Melalui pemeriksaan yang dijalankan, kilang yang diperiksa itu didapati mengeluarkan produk makanan seperti laksa dan kuetiau. Terdapat logo halal pada bungkusan produk laksa dan kuetiau keluaran kilang itu dipercayai untuk edaran jualan sekitar Perak dan Pulau Pinang.

"Tindakan kes diambil mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sitaan dibuat terhadap semua produk laksa dan kuetiau yang siap dibungkus itu, berserta tiga gulungan bekas plastik yang tertera logo halal yang tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan, selain dokumen berkaitan.

"Nilai keseluruhan barang rampasan ialah berjumlah RM5,828. Kes disiasat mengikut Per.8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperaku mana-mana makanan itu halal," katanya.

Beliau berkata, selain tindakan kes berkaitan penandaan halal berkenaan, operasi bersepadu itu juga mengesan dua kesalahan yang dilakukan oleh kilang itu iaitu mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 membabitkan kompaun sebanyak RM1,000.

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 16

# Kilang keluarkan laksa, kuetiau guna logo halal tidak sah



**PENGUAT Kuasa KPDN memeriksa bungkusan laksa dan kuetiau yang menggunakan logo halal tidak sah di sebuah kilang di Sungai Siput, Kuala Kangsar kelmarin.**

**KUALA KANGSAR** – Sebuah kilang pemprosesan makanan di Sungai Siput, di sini dikesan menggunakan logo halal tidak sah selepas diserbu dalam satu operasi bersepadu kelmarin.

Operasi turut disertai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Kangsar, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK).

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pemeriksaan mendapati kilang itu mengeluarkan produk makanan laksa dan kuetiau.

"Pemeriksaan lanjut ke atas produk akhir di kilang tersebut mendapati terdapat logo halal pada bungkusan produk laksa dan kuetiau keluaran kilang tersebut.

"Dipercayai, produk laksa dan kuetiau ini adalah untuk edaran jualan sekitar Perak dan Pulau Pinang," katanya di sini semalam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut mendapati, pemilik perniagaan telah gagal mengemukakan sijil pengesahan halal Malaysia yang sah.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu tindakan kes telah diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki telah menggunakan logo halal tanpa kebenaran.

"Sebanyak 3,020 unit produk laksa dan kuetiau yang siap dibungkus dan tiga gulungan bekas plastik tertera logo halal tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita.

"Nilai keseluruhan barang rampasan adalah dianggarkan berjumlah RM5,828.50.

"Kes disiasat di bawah Peraturan 8 (a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperaku mana-mana makanan itu adalah halal," katanya.

Kamalludin berkata, jika disabitkan kesalahan bagi pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 9

FOURTH STOP

# Karnival KPDN promises exciting activities for visitors

**KUCHING:** The Karnival KPDN Zon Sarawak is set to deliver an exciting array of activities over the weekend at the MetroCity Events Park in Matang here.

This is the fourth stop on the tour, following successful gatherings in Perlis, Kelantan and Perak that drew nearly 100,000 visitors.

With the theme "We are Consumers, Power of the Nation", the carnival aims to promote proactive consumerism by engaging the public directly.

It showcases the services of agencies under the Domestic Trade and Cost of Living Ministry while fostering trust between the government and community.

Visitors can look forward to consumer advocacy initiatives, advisory services, and the registration of various offerings from the ministry.

Event highlights include the ReDI programme, the Special Rahmah Menu Discount Card and the Price Catcher application.

Among the other highlights are refort machines from FoodBank, demonstrations of weighing device enforcement, and service booths set up by the Social Security Organisation (Perkeso), Department of Islamic Development (Jakim), Sirim and Mara.

A special booth will also be set up to allow visitors to assess the authenticity of their jewellery.

Local products from entrepreneurs participating in the Buy Malaysian Products Campaign will be on display and up for sale.

The main stage will feature performances by guest artistes and demonstrations of Sarawak's cultural heritage, including traditional dances and musicals.

Engagement talks by influencers and entrepreneurs, as well as discussions by departments under the ministry, will provide insights into their roles.

Children will be thrilled with a special appearance by Didi and Friends for a meet-and-greet.

There will also be various competitions for all ages, including a multi-category colouring contest and an arm-wrestling tournament.

The Rahmah Madani sales event is also a key feature, offering the B40 group, retirees and senior citizens essential items at significantly reduced prices.

Food stalls will serve the Menu Rahmah Madani, with dishes starting at just RM5.

The closing ceremony will be officiated by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali tomorrow at 2pm.

The Karnival KPDN 2024 Zon Sarawak promises to be a memorable event for visitors, with vibrant performances from artistes like Melissa Francis, Bob Yunus and Pentarama Japen Sarawak besides opportunities to support local entrepreneurs.

**For more information on the activities, visit the ministry's Facebook page at @kpdn Laman Rasmi; Instagram account at @kpdnhep; tiktok channel @kpdnlamanrasmi; x handle at KPDN_HQ; and, YouTube channel @KPDN**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 9

## 疑非法使用清真標誌

# 粿條廠食品遭充公

（江沙19日讯）和丰一家生产叻沙和炒粿条的工厂，在没有拥有合法文件下于包装上印有清真标志，因此遭霹州国内贸易及生活费局充公了总值5828令吉50仙的食品。



执法人员突击和丰一家生产叻沙和炒粿条的工厂，以进行检查。（霹州国内贸易及生活费局提供）

霹雳州国内贸易及生活费局局长拿督卡马鲁丁今日发文告指出，江沙国内贸易及生活费局、江沙县卫生局、霹雳州宗教局和江沙县议会，于日前前往和丰一家食品制造厂进行联合行动。结果，发现这家生产叻沙和炒粿条的工厂，在包装上印有清真的标志，并相信被批发到霹雳州和槟城市场去。

他表示，由于业者无法出示合法的大马清真认证证书，因此怀疑业者非法使用清真标志，因此触犯2011年商品事务法令。执法人员也因此充公了3020包包装好的叻沙和炒粿条、3卷印有非法清真标志，并用作商业用途的塑料袋及相关文件。遭充公的食品总值达5828令吉50仙。

他说，执法单位将在2011年商品事务法令8（a）条文下调查此案，一旦涉案（团体组织）将遭罚款不超过20万令吉，重犯的话则罚款不超过50万令吉。要是涉及者非团体组织，则将遭罚款不超过10万令吉，或监禁不超过3年或两者兼施；重犯的话则罚款不超过25万令吉或监禁不超过5年或两者兼施。

他表示，执法单位除了在2011年商品事务法令下采取行动，这项联合行动也成功揭发了另2项触犯1972年秤磅与测量法令下的违例事件，涉及1000令吉的罚单。

他指出，国内贸易及生活费局提醒商家，任何违例的商业都将被采取严厉行动。消费人可以通过以下管道进行投报，包括WhatsApp（019-848 8000）、线上投诉网页（https://eaduan.kpdn.gov.my）、投诉热线（1 800 886 800）、手机应用程式（EZ ADU KPDN）。

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 6

# Guna logo halal tidak sah, kilang proses laksa, kuetiau diserbu

**IPOH:** Sebuah kilang memproses makanan di Sungai Siput di sini diserbu kelmarin selepas disyaki menggunakan logo halal tidak sah tanpa kebenaran pihak berkuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan itu dijalankan oleh pihaknya dengan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Kangsar, Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati terdapat logo halal pada bungkusan produk laksa dan kuetiau keluaran kilang itu serta dipercayai dijual di sekitar negeri ini dan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati pemilik perniagaan gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kamalludin berkata, sebanyak 3,020 unit produk laksa dan kuetiau yang siap dibungkus dan tiga gulungan bekas plastik tertera logo halal tidak sah yang digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita dan nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan berjumlah RM5,828.50.

Kes disiasat di bawah Perkara 8(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperakukan mana-mana makanan itu adalah halal.

Selain itu, Kamalludin berkata pihaknya turut mengesan dua kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 melibatkan kompaun sebanyak RM1,000.

"KPDN mengingatkan kepada peniaga tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menggunakan perakuan dan penandaan halal ke atas produk makanan atau barangan keluaran tanpa kebenaran atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDN," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 20/9/2024
M/SURAT: 6

# Sabah pantau rapi GISBH

**KOTA KINABALU** - Kerajaan Sabah sedang meneliti sama ada GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) adalah organisasi atau fahaman yang sama diharamkan di negeri ini iaitu kumpulan Al-Arqam melalui syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd.

Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam Sabah, Datuk Mohd Arifin Mohd Arif berkata, Pejabat Mufti Sabah sebelum ini telah mewartakan ajaran yang salah, menyeleweng atau sesat di negeri ini termasuk syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd tersebut.

"Jadi kita akan buat keputusan dan mesyuarat khas untuk ini oleh jawatankuasa fatwa, sekiranya nilainya sama, unsurnya sama kita akan putuskan," katanya ketika ditanya mengenai pemantauan terhadap GISBH di Sabah ketika ini.

Menurut Mohd Arifin, kajian dan penelitian akan dilaksanakan oleh Pejabat Mufti melalui jawatankuasa bagi membuat ketetapan berhubung organisasi tersebut.

"Kita akan dapatkan kajian dan pemeriksaan dengan laporan daripada pihak berkenaan, kita ada Jawatankuasa Penyelarasan Hal Ehwal Islam Sabah (JaPHEIS).

"Jawatankuasa ini terdiri daripada saya sebagai pengerusinya, Majlis Ugama Islam Sabah (Muis), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Jheains), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan beberapa agensi lain yang akan berbincang secara berkala berhubung isu hal ehwal agama Islam di Sabah termasuk halal, bidang akidah dan beberapa isu lain," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada kerajaan negeri akan mencadangkan pusat atau rumah kebajikan wajib mendaftar dengan Jheains, beliau berkata, perkara itu akan dibawa ke peringkat jawatankuasa nanti untuk dibincangkan.

"Itu antara kriteria yang sangat penting, selain itu kita juga akan berikan kesedaran kepada semua pengasas institusi berkenaan termasuk tahfiz dan sebagainya supaya mereka didaftarkan," ujarnya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 20-Sep | Karnival KPDN Sarawak tawar aktiviti menarik | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300267/karnival-kpdn-sarawak-tawar- | BERITA HARIAN |
| 20-Sep | Kilang proses laksa, kuetiau guna logo halal tidah sah | https://www.kosmo.com.my/2024/09/19/kilang-proses-laksa-kuetiau-guna-logo-halal- | KOSMO |
| 20-Sep | Kilang proses laksa, kuetiau guna logo halal tidak sah diserbu | https://malaysiagazette.com/2024/09/19/kilang-proses-laksa-kuetiau-guna-logo-halal-tidak-sah- | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Sep | Lebih 3,000 bungkus laksa, kuetiau dirampas di Perak | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-3-000-bungkus-laksa-kuetiau-dirampas-di-perak | BERITA RTM |
| 20-Sep | Authorities raid factory producing laksa and kuey teow using fake halal logo | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1107622/authorities-raid-factory-producing-laksa-and-kuey- | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Sep | Laksa, kuetiau guna logo halal tidak sah dirampas | https://www.sinarharian.com.my/article/686401/berita/semasa/laksa-kuetiau-guna-logo-halal-tidak-sah- | SINAR HARIAN |
| 20-Sep | GUNA LOGO HALAL TIDAK SAH, KILANG PROSES LAKSA, KUETIAU DISERBU | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2341980 | BERNAMA |
| 20-Sep | KPDN rampas 3,000 bungkus laksa, kuetiau guna logo halal tidak sah | https://malaysia-tribune.news/2024/09/19/kpdn-rampas-3000-bungkus-laksa-kuetiau- | MALAYSIA TRIBUNE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Sep | Kilang buat laksa dan kuetiau guna logo palsu diserbu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135415/kilang-buat-laksa-dan-kuetiau-guna-logo-palsu-diserbu | HARIAN METRO |
| 20-Sep | Harta intelek: MyIPO, Tekun Nasional dan SME Corp jalin kerjasama | https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/harta-intelek-myipo-tekun-nasional-dan-sme-corp-jalin-kerjasama/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Sep | Katalog harta intelek: Bantu usahawan lindungi harta intelek | https://www.sinarharian.com.my/article/686444/berita/nasional/katalog-harta-intelek-bantu-usahawan-lindungi-harta-intelek | SINAR HARIAN |
| 20-Sep | PERHEBAT bantu 119 usahawan veteran ATM tingkat perniagaan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300339/perhebat-bantu-119-usahawan-veteran-atm-tingkat-perniagaan | BERITA HARIAN |
| 20-Sep | Sabah pantau rapat GISBH | https://www.sinarharian.com.my/article/686451/berita/semasa/sabah-pantau-rapat-gisbh | SINAR HARIAN |
| 20-Sep | Sabah monitoring GISBH's activities | https://www.theborneopost.com/2024/09/19/sabah-monitoring-gisbhs-activities/ | THE BORNEO POST |
| 20-Sep | Katalog Harta Intelek panduan lengkap usahawan daftar harta intelek | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/katalog-harta-intelek-panduan-lengkap-usahawan-daftar-harta-intelek | BERITA RTM |
| 20-Sep | MyIPO launches Intellectual Property Catalogue as comprehensive guide for registration | https://www.theedgemalaysia.com/node/727301 | THE EDGE MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT